BAHAGIAN B

[20 *markah*]

Jawab semua soalan

1 (*a*) Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُوا۟ مِمَّا فِى ٱلْأَرْضِ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

(Surah al-Baqarah : 168)

Ayat di atas menjelaskan kewajipan mengambil makanan yang halal dan meninggalkan makanan yang haram.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

ramuan	sah	mustajab	kotoran	keperluan

(i) Salah satu ciri makanan yang baik ialah mengikut _____.

(ii) Keharusan sesuatu makanan bergantung kepada tiga aspek, antaranya ialah _____ makanan daripada sumber yang halal.

(iii) Makanan yang haram ialah makanan yang bercampur dengan najis dan _____.

(iv) Salah satu akibat pengambilan makanan yang haram ialah doa tidak _____.

[4 *markah*]

(*b*) Jelaskan kebaikan pengambilan makanan yang halal dan baik.

_____

_____

[2 *markah*]

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia sebanyak 54.4% golongan dewasa di negara ini mengalami berat badan berlebihan atau obesiti.

(*c*) Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan langkah untuk mengelakkan masalah ini berlaku.

[4 *markah*]

2 (*a*) Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ, سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ قَالَ : الصَّلاَةُ عَلَى وَقْتِهَا, قَالَ : ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ : ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ, قَالَ : ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ : الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ. (رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan amalan jihad dapat memastikan kemuliaan umat sentiasa terpelihara.

(i) Apakah maksud jihad dari segi istilah?

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan sebab amalan solat pada waktunya paling disukai Allah SWT.

[2 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS

(iii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas.

_____

_____

[2 *markah*]

(b) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan Jawi.

Jihad ialah mencurahkan daya dan **tenaga** bagi mencapai sesuatu **matlamat** ataupun cita-cita. Jihad yang utama ialah **menegakkan** agama Islam dan mempertahankannya daripada musuh-musuh Islam.

(i) Jihad _____

(ii) tenaga _____

(iii) matlamat _____

(iv) menegakkan _____

[4 *markah*]

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS

BAHAGIAN C
[20 *markah*]
Jawab semua soalan

3 (*a*) Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul mengenai pengertian iman.

lidah	akal	anggota	hati	membenarkan

Maksud iman dari segi bahasa ialah _____(i). Maksud iman dari segi istilah ialah membenarkan dengan _____ (ii), mengaku dengan _____(iii) dan melaksanakan dengan _____(iv).

[4 *markah*]

(*b*) Lengkapkan kesan orang yang beriman dengan memilih jawapan yang sesuai.

bertawakkal	ikhlas	mungkar	dosa	mengabdikan

(i) _____ diri hanya kepada Allah SWT.

(ii) _____ dalam beribadat.

(iii) Menjauhi perkara _____.

(iv) Bertaubat atas _____ yang dilakukan.

[4 *markah*]

(*c*) Tandakan (Y) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah dalam kotak yang disediakan.

(i) Allah SWT mempunyai 99 nama dan sifat wajib diketahui. ☐

(ii) Al-Khaliq bermaksud Allah SWT yang Maha Pemurah. ☐

(iii) Al-Musawwir bermaksud Allah SWT yang Maha Pembentuk Rupa. ☐

(iv) Bukti Allah SWT bersifat al-Khaliq ialah Maha Mencipta Makhluk dengan pelbagai rupa. ☐

[4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS

(*d*) Jelaskan **dua** hikmah beriman dengan Allah SWT bersifat *al-Musawwir*.

[4 *markah*]

Allah SWT mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian.

(*e*) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda menghargai perkara di atas?

[4 *markah*]

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS

(*d*) Nyatakan **dua** perkara yang mewajibkan mandi wajib bagi perempuan sahaja.

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*e*) Jelaskan **dua** hikmah solat dalam kehidupan mukmin.

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ

"Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar".

(Surah al-Ankabut : 45)

(*f*) Kemukakan hujah anda untuk menyokong ayat di atas.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

PAI 125 © 2024 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

LIVEWORKSHEETS